

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, DEWAN RAKYAT
PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KETIGA BELAS
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' ÁBD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR
(KULIM BANDAR BAHARU)**

TARIKH : 17 MEI 2016

SOALAN :

Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah tindakan dan langkah terkini Kementerian dalam menangani isu peminta sedekah sama ada warga Malaysia mahupun warga asing yang semakin berleluasa sehingga mencemarkan imej negara sebagai sebuah negara membangun dan menuju ke arah negara maju.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menangani isu pengemisan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengambil pendekatan secara menyeluruh (*holistic*) dengan penglibatan pelbagai agensi (*multi-sectoral*). KPWKM akan terus memperkemas dan memperkukuhkan lagi tindakan bersepadu pelbagai agensi yang telah dilaksanakan sebelum ini bagi memastikan aktiviti pengemisan yang dijalankan sama ada oleh warga negara atau warga asing dapat dikurangkan. Antara usaha berterusan yang diambil adalah:

- 1) Mengadakan operasi menyelamatkan melalui 3 cara iaitu operasi bersepadu, operasi berkala / berjadual dan operasi *adhoc*. Berdasarkan operasi yang dijalankan, jika didapati pengemis yang diselamatkan adalah warga asing, mereka akan diserahkan kepada Jabatan Imigresen Malaysia untuk diambil tindakan mengikut undang-undang dan peraturan di bawah Jabatan Imigresen. Manakala pengemis warganegara yang berumur di bawah 60 tahun

akan ditempatkan di Desa Bina Diri (DBD), dan pengemis yang berumur 60 tahun dan ke atas pula diberikan penjagaan dan perlindungan di Rumah Seri Kenangan (RSK). Langkah ini adalah bagi memastikan kebajikan, kesejahteraan dan kelangsungan hidup mereka terjamin.

Di DBD penghuni akan menjalani pemulihan, latihan kerjaya dan kemahiran (vokasional, pertanian dan kraf tangan) bagi tempoh tidak melebihi 3 tahun, diberikan rawatan perubatan, penjagaan kesihatan dan penglibatan dalam aktiviti rekreasi.

Mereka turut diberikan kaunseling, bimbingan dan kerohanian bagi membantu memulihkan psikologi mereka agar tidak mengulangi aktiviti pengemisan.

Pada tahun 2015, sebanyak 1,921 operasi telah diadakan di seluruh negara. Bagi tahun 2016, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) merancang untuk melaksanakan operasi pengemis dan kutu rayau secara berkala dan bersepadu sebanyak 1150 kali. Manakala operasi secara *ad-hoc* akan dilaksanakan apabila JKM menerima aduan daripada mana-mana pihak termasuk orang awam.

- 2) Menubuhkan Sekretariat Penyelarasa Bagi Menangani Isu Golongan Gelandangan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KPWKM. Objektif penubuhan sekretariat ini ialah untuk menyelaraskan tindakan dan inisiatif sedia ada yang melibatkan pelbagai pihak iaitu agensi Kerajaan dan pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) supaya mekanisme yang lebih bersepadu dan menyeluruh dapat disusun dan dilaksanakan untuk menangani isu pengemisan golongan gelandangan.

- 3) Mengadakan Kempen Kesedaran dan Pencegahan Pengemisan melalui media cetak. Melalui program ini, poster, *sticker* dan *pamphlet* dengan slogan "**Bijak Membantu, Elak Tertipu**" telah diedarkan kepada orang awam melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri dan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah.

Sebanyak 13 Negeri telah mengadakan kempen dalam Program Kembara Kebajikan 1Malaysia iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, N.Sembilan, Perlis, Kelantan, Pahang, Perak, P. Pinang, Kedah, Johor, Terengganu, Sarawak, W. Persekutuan Labuan dan Sabah.

- 4) JKM juga akan melaksanakan Program Pendidikan Kesedaran Melalui Media Elektronik secara berterusan dengan kerjasama Nasional FM dan Negeri FM. Sebagai permulaan, isu ini telah dibincangkan dalam Rancangan Perspektif Nasional FM pada 15 Februari 2016. Manakala di peringkat negeri sedang disusun atur bersama Negeri FM.

Melalui Kempen Kesedaran Dan Pencegahan Pengemisan ini, diharapkan usaha kerajaan untuk membanteras aktiviti pengemisan dapat dikurangkan. Kesedaran dan komitmen masyarakat adalah diperlukan agar tidak memberi sedekah atau sumbangan kepada pengemis tetapi menyalurkan kepada pihak yang sepatutnya seperti rumah kebajikan, pertubuhan sukarelawan kebajikan yang berdaftar, pertubuhan amal, rumah ibadat dan Yayasan Kebajikan Negara.